

# Diskusi ICT

Bersama FIRKHAN  
[sembangict@yahoo.com](mailto:sembangict@yahoo.com)



## Periksa bateri iPhone

**B**AGAIMANA KAH cara untuk menyemak keadaan bateri iPhone?

- Adam, Yong Peng.

Kebiasaanya, apabila berlaku situasi telefon iPhone kehilangan kuasa bateri secara mendadak atau telefon iPhone itu dimatikan secara sendiri pada ketika bekalan kuasa bateri masih melebihi 10 peratus, maka bateri telefon berkenaan perlu diperiksa sama ada ia masih baik atau sebaliknya.

Keputusan dapat dibuat sama ada perlu untuk menukar baru bateri telefon iPhone tersebut.

Penyemakkan keadaan bateri tersebut diperiksa dari segi suhu, voltan kapasiti cas dan lain-lain. Masalah seperti ini sering berlaku kepada bateri telefon iPhone.

Jadi, perlu diketahui cara-cara penggunaan telefon iPhone yang dapat menjimatkan penggunaan bateri. Kemudian, perlu diketahui juga berkenaan dengan aplikasi komputer yang sering menyebabkan kehilangan besar kuasa pada sesebuah bateri telefon iPhone.

Seterusnya dibincangkan cara untuk menyemak status keadaan sesebuah bateri telefon pintar iPhone.

1 Muat turun aplikasi Battery Life ke dalam telefon iPhone di URL berikut: <https://itunes.apple.com/us/app/battery-life-check-devices/id1080930585>

2 Pasangkan ke dalam telefon iPhone dan seterusnya buka aplikasi tersebut. Aplikasi ini akan paparkan peratusan bahagian dalam bateri yang rosak dan tidak boleh dicas semula lagi iaitu *Battery Wear Level*.

3 Seterusnya, untuk melihat lebih terperinci lagi berkaitan dengan keadaan bateri tersebut, klik ikon menu pada bahagian atas kiri dan sentuh pilihan *Battery Details*.

Pada bahagian ini, bukan sahaja dipaparkan keadaan bateri tetapi terdapat maklumat lain berkenaan bateri tersebut seperti kapasiti semasa, voltan, kuasa input dan suhu.

Aplikasi ini juga mempunyai fungsi lain seperti menunjukkan masa yang tinggal untuk masa bercakap, penggunaan Internet, video, audio mengikut kapasiti bateri yang ada.

Terdapat fungsi pengujian perkakasan yang boleh dicapai menerusi menu utama.

Fungsi pengujian perkakasan sangat berguna untuk perkara-perkara yang lebih teknikal seperti mencari piksel mati pada skrin, pengujian jarak dan keadaan bagi sensor, kamera, mikrofon, fon kepala, lampu suluh dan butang kelantangan getaran.

Aplikasi ini percuma tetapi terdapat iklan di dalamnya.

Bagi mengelakkan perkara tersebut boleh muat turun aplikasi ini versi Pro yang dikenakan sedikit bayaran.